

# 40 murid sertai Kem Kecemerlangan UPSR



● Sebahagian peserta Kem Kecemerlangan UPSR bergambar bersama barisan Altima yang bertungkus-lumus menjayakan program tersebut di Kolej Tiga Belas UPM.

## SITI HAZLINDA TAHIR

SERDANG – Seramai 40 murid yang bakal menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun ini menyertai Kem Kecemerlangan UPSR yang dianjurkan oleh Persatuan Bekas Pelajar Sekolah Menengah Teknik (SMT) Melaka (Altima) selama tiga hari:

Pengarah program, Dr Tajularipin Sulaiman berkata, kem tersebut juga dianjurkan bersama Majlis Perwakilan Pelajaran (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM) bertempat di Kolej Tiga Belas UPM.

Menurutnya, tujuan kem untuk memberikan pendedahan kepada peserta mengenai belajar di universiti se-

kaligus dapat meningkatkan semangat mereka untuk belajar lebih ber-sungguh-sungguh sehingga dapat melanjutkan pengajian.

"Selain itu, mereka juga diberikan pendedahan mengenai teknik menjawab soalan dalam subjek Bahasa Melayu Penulisan dan Pemahaman, Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris dengan betul dengan mendapat sentuhan daripada guru pakar setiap subjek berkenaan," katanya.

Selain itu beliau berkata, ia juga dapat merapatkan lagi silaturahmi dalam kalangan bekas pelajar SMT Melaka yang memberikan kerjasama padu untuk menjayakan program tersebut.

"Kem tersebut adalah satu usaha

untuk meneruskan kesinambungan kejayaan yang pernah diperoleh bekas pelajar SMT Melaka kepada anak mereka sebagai generasi yang lebih berjaya pada masa akan datang," katanya.

Dr Tajularipin berkata, terdapat pelbagai pengisian yang menarik sepanjang kem tersebut berlangsung antaranya termasuk lawatan ke Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM, teknik menjawab soalan dan juga latihan dalam kumpulan (LDK).

"Peserta juga berpeluang untuk melawat ke Ladang Ekuin UPM selain daripada mengikuti slot kreativiti yang mana mereka didedahkan kepada ceramah mengenai 'power main' dan 'retain info' dan juga slot Kenali Dunia Kampus," katanya.

**guru  
pakar**